

Menamakan Anak : Panduan Dan Hukumnya (Bab Akhir)

بِسْمِ اللَّهِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ وَالَاهِ

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

Nama-Nama Yang Makruh Digunakan

Makruh menamakan anak atau menggunakan nama yang tidak elok maknanya dan nama yang dianggap buruk pada adat kebiasaan seperti Harb " حرب " (perang), Murrah " مرة " (pahit), 'Ashyiah " عاصية " (yang membuat maksiat), Kalb " كلب " (anjing) dan sebagainya.

Menamakan anak dengan nama-nama seperti ini tidak syak lagi akan memberikan impak yang negatif terhadap diri mereka yang mempunyai nama tersebut kerana ianya akan membuatkan mereka merasa malu, terhina, rendah diri dan sebagainya. Tidak mustahil juga ianya boleh menjejaskan kedudukan orang itu di mata masyarakat.

Nama-Nama Yang Haram Digunakan

Menggunakan nama-nama yang menunjukkan penghambaan kepada selain Allah Subhanahu wa Ta'ala seperti 'Abdussyams " عبدالشمس " (hamba matahari), 'Abdulhusain " عبدالحسين " (hamba Husain), 'Abdulka'bah " عبدالكعبة " (hamba ka'bah) dan yang seumpamanya hukumnya adalah haram.

Begitu juga haram menggunakan nama-nama yang khusus bagi Allah Subhanahu wa Ta'ala seperti Allah " الله ", Ar-Rahman " الرحمن ", Al-Ilaah " الإله " dan Ar-Rabb " الرب ", kecuali jika ditambah dengan perkataan 'Abd " عبد " sebelum nama-nama tersebut seperti 'Abdullah " عبدالله ", 'Abdurrahman " عبدالرحمن ", 'Abdul'ilaah " عبدالإله " dan 'Abdurabb " عبدالرب ". (Fatwa: 96/1982)

Termasuk juga dalam hal ini nama-nama yang hanya layak dimiliki oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala sahaja seperti Malikulamlak " ملك الأملاك " (raja segala raja), Khaliqul Khalq " خالق الخلق " (pencipta seluruh makhluk) dan nama-nama lain yang menyerupai makna nama-nama tersebut.

Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu meriwayatkan bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam telah bersabda:

أَغْيَظُ رَجُلٍ عَلَى اللَّهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ، وَأَخْبَثُهُ وَأَغْيَظُهُ عَلَيْهِ ،
رَجُلٌ كَانَ يُسَمَّى مَلِكَ الْأَمْلاِكِ . لَا مَلِكَ إِلَّا اللَّهُ

(رواه مسلم)

Maksudnya: "Lelaki yang paling dimurkai di sisi Allah pada hari Kiamat dan yang paling buruk dan paling Allah murka ke atasnya ialah lelaki yang diberi nama Malikulamlak. Tiada Raja Yang Maha Memiliki Kekuasaan melainkan Allah."

(Hadits riwayat Muslim)

Larangan daripada menggunakan nama-nama seumpama ini tidak hanya terbatas dalam bahasa Arab sahaja, ini termasuk juga bagi nama-nama dalam bahasa lain yang sama maknanya dengan namanama yang diharamkan itu.

Menukarkan Nama Dengan Nama Yang Lebih Baik

Menurut ulama, sunat menukarkan nama dengan nama yang lebih baik kerana terdapat banyak hadits yang menyebutkan bahawa Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam banyak menukarkan namanama para sahabat Baginda dengan nama-nama yang lebih baik.

Baginda menukarkan nama 'Ashyah "عاصية" (yang membuat maksiat) kepada Jamilah "جميلة" (yang cantik), Harb "حرب" (peperangan) kepada Silm "سلم" (aman sejahtera), Hazn "حزن" (sedih) kepada Sahl "سهل" (senang) dan banyak lagi.

Bagaimanapun, wajib diubah nama-nama yang haram digunakan kerana mengubah nama yang haram itu adalah sebahagian daripada perkara menghilangkan mungkar. (Fatwa: 24/1984)

Memanggil Seseorang Dengan Nama Singkatan Disebutkan dalam kitab al-Majmu' dan al-Adzkar bahawa diharuskan memanggil seseorang dengan nama singkatan, iaitu dengan hanya menyebutkan sebahagian daripada nama penuhnya jika perbuatan tersebut tidak melukakan hati tuannya.

Perkara ini disepakati oleh para ulama, kerana telah sabit bahwasanya Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam pernah memanggil beberapa orang sahabat dengan nama singkatan, misalnya Baginda pernah memanggil Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu dengan sabda Baginda "يا أبا هر" (Wahai Abu Hurr) dan Baginda pernah memanggil Sayyidatuna 'Aisyah Radhiallahu 'anha dengan sabda Baginda "يا عائش" (Wahai 'A'isy).

Memberikan Gelaran Kepada Seseorang

Para ulama sepakat mengatakan bahawa tidak ditegah bahkan dianjurkan menggelar seseorang dengan gelaran yang baik dan yang disukainya. Ini kerana para sahabat telah digelar dengan beberapa gelaran, misalnya Sayyidina Abu Bakar Radhiallahu ‘anhu digelarkan dengan ‘Atiq " عتيق " (yang dimerdekakan daripada api neraka), Sayyidina Umar bin Al-Khattab Radhiallahu ‘anhu digelarkan dengan al-Faaruuq " الفاروق " (yang membezakan kebenaran daripada kebatilan), Sayyidina Hamzah Radhiallahu ‘anhu digelarkan sebagai Asadullah " أسد الله " (singa Allah) dan banyak lagi.

Manakala menggelarkan seseorang dengan gelaran yang tidak baik dan tidak disukainya pula, para ulama telah bersepakat mengatakannya haram. Gelaran-gelaran ini tidak kira sama ada ianya adalah disebabkan kekurangan orang itu sendiri seperti buta, rabun, bisu, tuli, bongkok dan sebagainya ataupun disebabkan ianya merupakan sifat orang-orang yang berkaitan dengan dirinya seperti kedua ibubapanya. Termasuklah juga apa-apa sahaja gelaran lain yang mana gelaran tersebut tidak baik ataupun tidak disukainya.

Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala:

وَلَا تَلْمِزُوا أَنْفُسَكُمْ وَلَا تَنَابَزُوا بِالْأَلْقَابِ

Maksudnya: *“dan janganlah suka mencela dirimu sendiri dan jangan memanggil dengan gelaran yang mengandung ejekan.”*

(Surah Al-Hujuraat: 11)

Manakala jika digunakan gelaran tersebut bagi mengenalkan dirinya kepada orang lain yang tidak mengenalinya kecuali dengan gelaran tersebut maka para ulama bersepakat mengharuskannya.

Memanggil Orang Yang Tidak Dikenali Atau Tidak Diketahui Namanya

Jika ingin memanggil seseorang yang tidak dikenali ataupun tidak diketahui namanya pula, menurut Imam an-Nawawi Rahimahullah hendaklah dipanggil dia dengan gelaran yang tidak menyakiti atau melukai hatinya seperti “wahai saudaraku”, “wahai tuan”, “wahai kawan”, “wahai yang memakai baju putih”, “wahai hamba Allah” dan lain-lain gelaran seumpamanya yang bersesuaian dengan keadaan orang yang dipanggil itu.

Penutup

Memberi dan menggunakan nama yang baik dan berunsur keislaman itu sememangnya sangat penting untuk diambil perhatian oleh setiap kaum muslimin. Ini kerana nama yang baik dan berunsur keislaman itu akan mendatangkan pengaruh yang baik. Manakala sebaliknya pula nama-nama yang buruk itu boleh mendatangkan pengaruh yang kurang baik sama ada pada diri sendiri atau keluarganya mahupun masyarakat seperti dipersendaguraukan nama berkenaan.

Dari itu, sewajarnya para ibu bapa meneliti dengan lebih mendalam nama-nama yang ingin diberikan kepada anak-anak mereka menurut panduan yang telah disediakan oleh para ulama. Manakala orang yang memiliki nama yang tidak baik pula sepatutnya menukarkan nama mereka dengan nama yang lebih baik kerana menukarkan nama yang tidak baik dengan nama yang lebih baik itu merupakan suatu sunnah dan saranan Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam. Bahkan ada kala menukar nama itu wajib.

Sumber : [Mufti Brunei](#)